

agro

Kekal fokus pertanian

Iltizam Naib Canselor UPM perkukuh pertanian selaras dengan teras penubuhan

oleh LAUPA JUNUS dan ASHRIQ FAHMY AHMAD

20 April lalu genap 100 hari Prof. Datin Paduka Dr. Aini Ideris menerajui Universiti Putra Malaysia (UPM) sebagai naib canselor baharu yang ke lapan bagi institusi berkenaan.

Selama 100 hari tersebut, pelbagai perkara diteliti dan diperhalusi beliau untuk meneruskan tanggungjawab yang digalas sebagai naib canselor.

Bertepatan dengan jangka masa 100 hari tersebut satu majlis telah diadakan bagi mendengar perutusan berkenaan pencapaian dan kejayaan UPM selama ini.

Pelbagai perkara disentuh namun lebih berkisar kepada kejayaan dan penubuhan

FAKTA UPM

Nama Universiti Pertanian Malaysia ditukar kepada Universiti Putra Malaysia pada 3 April 1997.

● UPM bermula sebagai Sekolah Pertanian Malaya pada tanggal 21 Mei 1931

● Enam KPI sasaran UPM adalah Kebolehpasaran Graduan, Pelajar Antarabangsa, Penerbitan dan Sitasi, Penjana Pendapatan, Produktiviti dan Kecekapan Kos, dan Subjek Ranking.

● UPM juga menetapkan 34 KPI yang khusus untuk mengukur prestasi UPM menurut kriteria QS World University Ranking, Pelan Transformasi Universiti, Pelan Strategik UPM, serta Penilaian Penyelidikan Malaysia (MyRA).

● UPM kini berada di kedudukan tangga 331 dalam QS World University Ranking 2015, iaitu melonjak sebanyak 45 anak tangga berbanding tahun lalu.

● Bagi disiplin pertanian dan perhutanan pula dalam QS World University Ranking by Subjects 2015, bagi UPM kekal dalam senarai kelompok 51 hingga 100 universiti terbaik dunia selama tiga tahun berturut-turut.

UPM sebagai sebuah universiti yang kian menempa nama.

Jelasnya, pada bulan April, 20 tahun yang lalu merupakan sejarah pertukaran nama UPM terus memacu pertanian.

Beliau berkata, pertukaran nama tersebut tidak menjejaskan fungsi UPM sebagai institusi pertanian. Ini berdasarkan kepada beberapa faktor iaitu penubuhan pelbagai institut berkaitan pertanian yang ada di universiti itu iaitu Institut Kajian Dasar Perhutanan dan Makanan, Institut Perhutanan Tropika dan Produk Hutan serta Institut Pertanian Tropika.

Penubuhan pusat kecemerlangan itu UPM juga kata beliau memperkukuhkan lagi fungsi UPM dalam memperkasa pertanian yang sebelum ni telah mempunyai Fakulti Pertanian, Fakulti Sains dan Teknologi Makanan, Fakulti Kedokteran Veterinar dan Fakulti Pertanian serta Sains Makanan di Kampus Bintulu, Sarawak.

"Selain itu, UPM juga akan menekankan kepada pertanian bandar dan sekuriti makanan bagi mendepan isu-isu akan datang," katanya sambil menambah sebanyak bahawa ketika ini 42 peratus program yang ditawarkan di UPM berkaitan pertanian melibatkan 6,000 pelajar.

Tambahnya lagi, UPM amat terhitung budi atas peranan dan pandangan jauh Istana Negeri Selangor terutamanya Duli-Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Selangor yang telah memainkan peranan penting dalam merealisasikan penubuhan dan kecemerlangan UPM sehingga ke hari ini.

"Sebagaimana kita sedia maklum, batu asas Sekolah Pertanian Malaya telah disempurnakan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, Sultan Sir Alauddin Sulaiman Shah (Raja Sulaiman) pada Mac 1930.

"Kini cucunda baginda Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah Ibnu Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah meneruskan legasi menaungi UPM sehingga ke hari ini sebagai Canselor UPM," katanya.

Justeru beliau meminta agar Fakulti Pertanian, Fakulti Perhutanan dan semua fakulti dan institut berkaitan pertanian membentuk strategi dengan lebih berkesan untuk meletakkan subjek pertanian dan perhutanan dalam ranking 50 terbaik dunia pada 2017.



DR. AINI sentiasa menyokong usaha mengkomersialkan inovasi UPM.

Terbaharu, sebuah lagi infrastruktur iaitu Hospital Pengajaran UPM yang sedang dalam proses pembinaan dijangka siap pada 2018.

Hospital pengajaran yang mempunyai 400 katil tersebut akan menjadi pusat kecemerlangan strok melalui penyelidikan dan perkhidmatan klinikal.

Hospital Pengajaran UPM bakal menawarkan kemudahan pengajaran dan pembelajaran kepada pelajar perubatan serta memberi perkhidmatan kesihatan terbaik khususnya kepada staf dan pelajar UPM.

Dr. Aini berkeyakinan bahawa pencapaian UPM boleh diperkukuhkan pada tahun tahun ini.

Sebagai universiti penyelidikan, UPM mempunyai tanggungjawab yang besar untuk bersama-sama menjayakan pembangunan bangsa, penciptaan kekayaan negara dan kesejahteraan hidup masyarakat.

Dalam usaha merealisasikan hasrat Malaysia menjadi sebuah negara maju menjelang 2020, pada April lalu genap setahun pelancaran Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015 - 2025 atau PPPM (PT).

Pelan tersebut menggariskan 10 Lonjakan yang akan dicapai sepanjang tempoh 10 tahun, iaitu Graduan Holistik, Berciri Keusahawanan dan Seimbang, Kecemerlangan Bakat dan Menghayati Pembelajaran Sepanjang Hayat.

Seterusnya menghasilkan Graduan Pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), Kemampunan

Kewangan; Pemantapan Tadbir Urus, Ekosistem Inovasi, Keunggulan Global, Pembelajaran Dalam Talian Tahap Global dan Transformasi Pendidikan Tinggi.

Sebagai naib canselor, Dr. Aini akan memastikan hala tuju UPM untuk tahun 2016 ini seiring dengan 10 Lonjakan pelan tersebut.

Perancangan UPM pada tahun 2016 juga berpandu kepada lapan pendekatan atau fokus yang dizahirkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).

Amanat ini memberi fokus kepada pendidikan fleksibel, teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran (MOOCs, BOOCs, Gamification), multidisiplin,



PERTANIAN bandar antara teknologi yang akan dipromosikan oleh UPM.

agro

Pengkomersialan teknologi UPM

PENGURANGAN bajet Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) untuk universiti-universiti tempatan pada tahun ini amat dirasai hampir semua institusi pengajian tinggi awam (IPT) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) tidak terkecuali.

Sehubungan itu, UPM amat sedar dan menerima hakikat kurangnya pembiayaan daripada kerajaan untuk pengurusan dan operasi universiti.

Jelas naib canselornya, Prof. Datin Paduka Dr. Aini Ideris, UPM perlu bersedia menghadapi cabaran kekangan kewangan tersebut.

Tambahnya, untuk tujuan tersebut, pihaknya sedang berusaha mengurangkan kebergantungan UPM dana kerajaan.

"Kita juga perlu secara serius membuat perancangan menajana sendiri pendapatan dalam masa terdekat dan jangka panjang.

"Bertepatan dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) yang menetapkan Kemampunan

Kewangan sebagai Lonjakan Kelima, pada 2016, kita merancang untuk menajana secara dalaman 30 peratus daripada jumlah keperluan perbelanjaan mengurus," katanya.

Sehubungan dengan itu, UPM perlu mempelbagaikan sumber pendapatan.

Dalam usaha tersebut, UPM telah mengenal pasti beberapa entiti utama seperti Pusat Kesihatan Universiti, Penerbit UPM, Hospital Veterinar Universiti, Restoran dan Kafe L'Apprenti, Kelab Pemain Golf UPM, Muzium Warisan Melayu, Putra Science Park (Edu Pelancongan), dan Pusat Sukan untuk menjadi pemangkin dalam penajanaan dana dalaman.

UPM juga akan memperkasakan projek perniagaan sedia ada seperti Putra Mart, Unit Ekuin, Hasi Ladang, dan Nurseri Komersial.

Kesemua entiti tersebut perlu merancang strategi dan model perniagaan yang dapat menajana pendapatan universiti

yang lebih tinggi.

Satu lagi sumber pendapatan UPM ialah melalui pengkomersialan harta intelek.

"Sehingga kini kita telah berjaya mengkomersialkan sejumlah 109 harta intelek yang bernilai RM52 juta dalam tempoh 15 tahun, iaitu dari tahun 1990 hingga 2015.

"Dalam tahun 2015 sahaja, kita berjaya mengkomersialkan 34 harta intelek dan menubuhkan 37 syarikat terbitan (*startup company*)," ujarnya.

Sehubungan itu, UPM juga akan memperkasakan InnoHub atau Pusat Validasi Pasaran Teknologi yang dapat menyokong dan membangunkan teknologi baharu daripada hasil penyelidikan yang dilaksanakan.

Strategi pengkomersialan harta intelek universiti itu akan terus dipergiat dan diperkukuh sebagai hasil konkrit kepada aktiviti penyelidikan UPM yang secara tidak langsung akan menyumbang kepada kelestarian kewangan institusi

berkenaan.

Dalam mengukuhkan lagi penajanaan pendapatan daripada pelbagai sumber pada tahun 2016, UPM juga memberikan fokus terhadap peralatan atau prasarana milik universiti yang boleh menajana pendapatan.

Sebanyak sembilan entiti universiti telah dikenal pasti mampu menajana pendapatan. Entiti tersebut adalah *Makmal Super Critical Fluid*, Pusat Pengimejan Diagnostik Nuklear, Unit Teknologi Fermentasi, Loji Pandu Bertaraf GMP, Institut Penyelidikan Produk Halal, *International Transit House*, *Disaster Recovery Center*, Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi (iDEC) dan UPM Kampus Bintulu.

"Kita perlu berusaha meningkatkan penggunaan fasiliti ini untuk menajana pendapatan yang stabil dan berterusan melalui peningkatan bilangan pengguna serta penambahbaikan dalam perkhidmatan yang ditawarkan," katanya.



MENGHASILKAN pelbagai inovasi untuk kegunaan masyarakat antara tumpuan utama UPM. - GAMBAR HIASAN

kecemerlangan? Bagaimanakah cara untuk kita berjaya mengisi jurang dalam usaha melonjak tahap kecemerlangan universiti?," soalnya.

Segala persoalan tersebut tentunya memerlukan jawapan dan kesedaran betapa pentingnya aspek seperti kualiti, kesempurnaan, ketelitian kerja dan kecemerlangan dalam budaya kerja. Kehebatan universiti bukan sahaja bergantung pada kecanggihan prasarananya, tetapi kecemerlangan bakat dan kepimpinan akademik dalam komuniti keilmuannya.

Staf akademik adalah bakat terpenting dalam kecemerlangan universiti dan dalam konteks itu, UPM memerlukan bakat dan kepimpinan akademik yang cemerlang untuk memastikan universiti dapat mencapai dan mempertahankan keunggulannya sebagai sebuah institusi pendidikan tinggi yang sentiasa relevan, dirujuk dan dihormati.

Kecemerlangan bakat khusus bagi ahli akademik muda, pejabat Naib Canselor dan Seksyen Latihan Pejabat Pendaftar sedang merintis satu program, iaitu *Unshackling Young Academics* yang bertujuan membangunkan bakat ahli akademik muda yang masih dalam lima tahun pertama perkhidmatan mereka. Program tersebut bertujuan meraikan

budaya ilmu dengan membuka minda dan pada masa yang sama mengasah bakat serta kepimpinan akademik.

Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat) dipertanggungjawabkan untuk mempergiat daya usaha pemindahan ilmu kepada masyarakat manakala bagi mempertingkatkan pembiayaan penyelidikan, UPM perlu mempelbagaikan sumber dana dengan mempertingkatkan usaha mendapatkan lebih banyak geran daripada industri dan antarabangsa.

Walaupun geran sedemikian adalah sangat kompetitif, UPM perlu berusaha dan bersaing untuk mendapatkannya. Sejalan dengan tekad UPM dalam mengungguli pertanian dan meraikan multi disiplin, pihak pengurusan juga tidak pernah melupakan UPM Kampus Bintulu, Sarawak.

Pihak pengurusan di kampus induk amat menghargai sumbangan warga UPM Kampus Bintulu yang menyokong kepada perkembangan dan kemajuan pendidikan pertanian.

Justeru, apa jua inisiatif kecemerlangan yang dilaksanakan di kampus induk, akan turut dilaksanakan di UPM Kampus Bintulu.

Berpegang kepada semangat kekeluargaan dan nilai kepelbagaian, kita akan pastikan impak kejayaan UPM akan

dinikmati bersama dengan warga UPM Kampus Bintulu.

Sejak UPM Kampus Bintulu dibuka semula pada 24 Oktober 2001, hanya tujuh program Diploma dan satu program bachelors sahaja yang ditawarkan sehingga kini.

Bagi mengembangkan kampus tersebut agar lebih dinamik, pengurusan akan memperbanyakkan program bachelors dan pascasiswazah dalam bidang yang relevan dengan keperluan negara, khususnya pembangunan sumber manusia di Sarawak dan kemajuan industri setempat.

LAPANFAKTOR MEMBUKTIKAN UPM MASIH FOKUS KEPADA PERTANIAN

- Menjalankan projek pertanian yang berimpak tinggi seperti padi, ayam dan ternakan lain.
- Memperkenalkan teknologi baharu dalam pertanian yang membawa kepada keberkesanan hasil yang lebih tinggi.
- Memperkasakan pertanian bandar melalui pelbagai inovasi dan teknologi baharu.
- Memperluas kerjasama dengan masyarakat berkaitan aktiviti pertanian dan membantu petani menerusi pemindahan teknologi.
- Memperkasakan agenda sekuriti makanan melalui pengajaran, pembelajaran, penyelidikan dan penglibatan jaringan industri dan masyarakat.
- Meningkatkan program inkubasi pertanian dan keusahawanan dalam kalangan pelajar.
- Memastikan kurikulum sentiasa relevan dengan keperluan industri pertanian.
- Mengeluarkan graduan pertanian yang berkualiti dan holistik.